

**TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN ASNB eCHANNEL***Dikemas kini pada 22 November 2022*

Terma dan syarat ini (“**Terma dan Syarat Perkhidmatan ASNB eChannel**”) mentadbir capaian kepada dan penggunaan Perkhidmatan ASNB eChannel (seperti yang ditakrifkan) oleh Pelanggan sebagaimana yang disediakan oleh Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“**HLB**”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“**HLISB**”) (selepas ini dikenali sebagai “**Bank**”) dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect (“**Terma HLB Connect**”) dan Notis Privasi.

**Takrifan**

<b>“Penambahan Kegemaran”</b>	ertinya penambahan Akaun ASNB pihak ketiga ke dalam senarai Akaun ASNB kegemaran Pelanggan.
<b>“Pelaburan Tambahan”</b>	ertinya pelaburan tambahan dalam Tabung Unit Amanah yang mempunyai pelaburan sedia ada untuk Akaun ASNB Pelanggan, Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya atau Akaun ASNB pihak ketiga.
<b>“ASNB”</b>	ertinya Amanah Saham Nasional Berhad [197901003200 (47457-V)], sebuah anak syarikat milik penuh dan Syarikat Pengurus untuk Tabung Unit Amanah yang dilancarkan oleh Permodalan Nasional Berhad [197801001190 (38218-X)].
<b>“Akaun ASNB”</b>	ertinya Akaun Pemegang Unit yang dibuka dengan ASNB.
<b>“Perkhidmatan ASNB eChannel”</b>	ertinya kemudahan untuk melakukan perkhidmatan Pertanyaan Baki, Penambahan Kegemaran, Pelaburan Baharu dan Tambah Nilai Tabung Unit Amanah Sedia Ada (“ <b>Pelaburan Tambahan</b> ”) secara dalam talian dan pada masa nyata.
<b>“Pertanyaan Baki”</b>	ertinya penyemakan pegangan pelaburan terkini dan sejarah urus niaga Tabung Unit Amanah dalam Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya.
<b>“Hak Tempoh Bertenang”</b>	ertinya hak pemegang unit yang melabur dalam mana-mana Tabung Unit Amanah Harga Berubah buat pertama kali untuk mendapatkan bayaran balik pelaburan sekiranya permintaan dibuat dalam Tempoh Bertenang. Walau bagaimanapun, Hak Tempoh Bertenang tidak diberikan kepada kakitangan ASNB atau individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurusan dalam tabung unit amanah.
<b>“Perkhidmatan Awan”</b>	ertinya ketersediaan atas permintaan sumber sistem komputer, terutamanya storan data dan sumber pengkomputan (cth. kuasa pengkomputan, rangkaian, pelayan, storan, aplikasi dan perkhidmatan) yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan

Awan yang boleh diperuntukkan dan dikeluarkan dengan cepat serta pengurusan usaha yang minimum atau interaksi penyedia perkhidmatan.

**“Penyedia Perkhidmatan Awan”**

merujuk kepada organisasi komersial yang menyediakan Perkhidmatan Awan kepada pekerja kami yang menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Awan dilanggani oleh ASNB.

**“Pelanggan”**

ertinya pelanggan Bank yang mempunyai akaun semasa / akaun semasa-i atau akaun simpanan / akaun simpanan-i (“**CASA / CASA-i**”) dengan Bank, berdaftar untuk HLB Connect dan mempunyai Akaun ASNB.

**“Tabung Unit Amanah”**

ertinya-

- (a) Amanah Saham Bumiputera;
- (b) Amanah Saham Bumiputera 2;
- (c) Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik;
- (d) Amanah Saham Malaysia;
- (e) Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan;
- (f) Amanah Saham Malaysia 3;
- (g) Amanah Saham Nasional;
- (h) ASN Equity 2;
- (i) ASN Equity 3;
- (j) ASN Equity 5;
- (k) ASN Equity Global;
- (l) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1;
- (m) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2;
- (n) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global;
- (o) ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1; atau
- (p) ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2;

yang diuruskan oleh ASNB.

**“Pelaburan Baharu”**

ertinya pelaburan baharu dalam Tabung Unit Amanah yang tidak mempunyai pelaburan sedia ada untuk Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya.

**“PIDM”**

ertinya Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011.

**Umum**

1. Perkhidmatan ASNB eChannel membenarkan Pelanggan untuk melakukan Pertanyaan Baki, Penambahan Kegemaran, Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan secara dalam talian dan pada waktu nyata.
2. Dengan mencapai dan/atau menggunakan Perkhidmatan ASNB eChannel, Pelanggan bersetuju untuk memautkan Akaun ASNB Pelanggan dengan Perkhidmatan ASN eChannel tanpa sebarang had atau pengecualian.



3. Perkhidmatan ASNB eChannel yang ditawarkan merupakan sebahagian daripada perbankan internet HLB Connect oleh Bank. Oleh itu, Terma dan Syarat Perkhidmatan ASNB eChannel ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma HLB Connect.
4. Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan mana-mana atau kesemua Terma dan Syarat Perkhidmatan ASNB eChannel, Pelanggan diminta untuk menghentikan serta-merta capaian dan/atau penggunaan Perkhidmatan ASNB eChannel dengan membatalkan pendaftaran daripada Perkhidmatan ASNB eChannel. Pelanggan akan dianggap sebagai telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan ASNB eChannel sekiranya Pelanggan berterusan mencapai dan/atau menggunakan Perkhidmatan ASNB eChannel.

### **Prospektus Elektronik dan Halaman Serlahan Produk**

5. Sebelum melabur dalam Tabung Unit Amanah, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Elektronik dan Halaman Serlahan Produk Tabung Unit Amanah tersebut termasuk kriteria kelayakan minimum dan kesediaaan Tabung Unit Amanah yang terdapat di laman sesawang ASNB ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)).
6. Tabung Unit Amanah hanya ditawarkan berdasarkan maklumat yang terkandung dalam Prospektus Elektronik; sebarang maklumat di luar Prospektus Elektronik adalah bukan sebahagian daripada Prospektus Elektronik tersebut.
7. Prospektus Elektronik Tabung Unit Amanah boleh dicapai dengan mengetik pautan berikut:
  - (a) [Prospektus Induk ASNB](#);
  - (b) [Prospektus Tambahan Pertama Induk ASNB](#);
  - (c) [Prospektus ASN Imbang \(Mixed Asset Balanced\) 3 Global](#);
  - (d) [Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang \(Mixed Asset Balanced\) 3 Global](#); dan
  - (e) [Prospektus ASN Equity Global](#).
8. Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Tambahan Pertama Induk ASNB bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 (“**Prospektus**”) telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
9. Prospektus Elektronik adalah disediakan untuk tujuan pemberian maklumat dan pengarkiran sahaja. Tempoh permohonan Tabung Unit Amanah berkenaan mungkin telah pun tamat.

### **Pertanyaan Baki dan Sejarah Urus Niaga**

10. Pelanggan boleh menyemak pegangan pelaburan terkini dan sejarah urus niaga Tabung Unit Amanah dalam Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya pada waktunya nyata.

### **Penambahan Kegemaran**

11. Pelanggan boleh menambah Akaun ASNB pihak ketiga ke dalam senarai Akaun ASNB kegemaran pada waktunya nyata bagi tujuan Pelaburan Tambahan dan sebarang perkhidmatan lain yang diperkenalkan kelak. Pelanggan juga mengeluarkan Akaun ASNB pihak ketiga daripada senarai Akaun ASNB kegemaran pada waktunya nyata.

### **Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan**

12. Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:

- (a) Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan pelaburan bebas yang dibuat oleh Pelanggan dan sedar sepenuhnya yang Pelanggan membuat pelaburan Tabung Unit Amanah tanpa sebarang pengesyoran.
  - (b) Pihak Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memberi sebarang nasihat pelaburan atau pengesyoran bagi semua Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan yang dibuat melalui HLB Connect.
  - (c) Pelanggan wajar mendapatkan nasihat bebas mengenai kesesuaian mana-mana pelaburan Tabung Unit Amanah apabila Pelanggan merasakan patut berbuat demikian. Penggunaan atau pergantungan atas maklumat tersebut adalah atas risiko Pelanggan sendiri dan berdasarkan pertimbangan Pelanggan sendiri.
13. Pelanggan boleh membuat Pelaburan Baharu dalam Tabung Unit Amanah untuk Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya pada waktu nyata. Pelaburan Baharu ini adalah tertakluk kepada had maksimum pelaburan dan kesediaaan Tabung Unit Amanah.
14. Pelanggan boleh membuat Pelaburan Tambahan dalam Tabung Unit Amanah untuk Akaun ASNB Pelanggan, Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya atau Akaun ASNB pihak ketiga pada waktu nyata. Pelaburan Tambahan ini adalah tertakluk kepada had maksimum pelaburan dan kesediaaan Tabung Unit Amanah.
15. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan, minor yang berdaftar di bawahnya atau pihak ketiga yang dinamakan dalam Penambahan Kegemaran dan Pelaburan Tambahan adalah layak untuk melabur dalam Tabung Unit Amanah sebagaimana yang dinyatakan dalam terma di bawah Prospektus Elektronik Tabung Unit Amanah tersebut.
16. Melainkan dimaklumkan sebaliknya (cth. penangguhan urus niaga Tabung Unit Amanah disebabkan oleh pengagihan pendapatan), Pelanggan boleh melakukan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan pada Waktu Operasi Perniagaan ASNB yang berikut:
- (a) Tabung Unit Amanah Harga Tetap  
Pukul 7.00 pagi hingga pukul 7.00 malam dari hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan);
  - (b) Tabung Unit Amanah Harga Berubah  
Pukul 7.00 pagi hingga pukul 4.00 petang dari hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan);
17. Harga bagi Tabung Unit Amanah Harga Berubah adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") Tabung Unit Amanah berkenaan. Bagi Tabung Unit Amanah Harga Berubah dengan harga hadapan [iaitu ASN Equity 5, ASN Equity Global, ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global dan ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2], harga Tabung Unit Amanah tersebut akan dikira berdasarkan NAB Tabung Unit Amanah berkenaan pada hari penilaian berikutnya (cth. jika Pelanggan membeli Tabung Unit Amanah pada hari ini, Pelanggan hanya dapat mengetahui unit yang diperuntukkan pada hari bekerja berikutnya). Maklumat mengenai NAB boleh didapati di laman sesawang ASNB ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)).

18. Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan adalah tertakluk kepada Caj Jualan ASNB dan Caj Perkhidmatan Bank yang berikut:

Jenis Tabung Unit Amanah	Caj Jualan ASNB*	Caj Perkhidmatan Bank**
Tabung Unit Amanah Harga Tetap <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amanah Saham Bumiputera</li> <li>• Amanah Saham Bumiputera 2</li> <li>• Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik</li> <li>• Amanah Saham Malaysia</li> <li>• Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan</li> <li>• Amanah Saham Malaysia 3</li> </ul>	Tiada	RM1.00
Tabung Unit Amanah Harga Berubah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amanah Saham Nasional</li> <li>• ASN Equity 2</li> <li>• ASN Equity 3</li> <li>• ASN Equity 5</li> <li>• ASN Equity Global</li> <li>• ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1</li> <li>• ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2</li> <li>• ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global</li> <li>• ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1</li> <li>• ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2</li> </ul>	2.00% 2.00% 2.00% 2.00% 2.00% 1.75% 1.75% 1.75% 1.50% 1.50%	Tiada

Nota:

\* Caj Jualan adalah berdasarkan NAB seunit.

\*\* Caj Perkhidmatan adalah untuk setiap urus niaga.

19. Sebaik sahaja dihantar, permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik. Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan adalah lengkap, tepat dan betul sebelum meneruskan urus niaga tersebut.
20. Permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan akan diproses apabila amaun Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan dan caj berkaitan didebit dari CASA / CASA-i Pelanggan. Resit yang mengesahkan status Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan akan dikeluarkan untuk rekod dan rujukan Pelanggan.
21. Bagi permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan yang tidak berjaya, Bank akan mengkredit kembali amaun Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan dan caj berkaitan yang didebit dari CASA / CASA-i Pelanggan (sekiranya ada, dan tertakluk kepada pengesahan serta pulangan oleh ASNB) dan mengemas kini status Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan di HLB Connect dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
22. Pelanggan boleh menyemak satus Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan di HLB Connect. Sebagai alternatif, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899.

### **Hak Tempoh Bertenang**

23. Pelanggan yang layak mendapatkan Hak Tempoh Bertenang boleh menggunakan hak tersebut dengan mengemukakan resit urus niaga pelaburan permulaan di mana-mana cawangan Bank, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain. Amaun pelaburan akan dikembalikan kepada Pelanggan dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh penerimaan permohonan tempoh bertenang oleh ASNB.

### **Keizinan untuk Mendedahkan Maklumat Peribadi**

24. Pelanggan dengan ini mewakili dan mengesahkan yang Pelanggan telah mendapat keizinan pihak ketiga yang dinamakan dalam Penambahan Kegemaran dan Pelaburan Tambahan sebelum menyerahkan maklumat peribadi pihak ketiga tersebut untuk pungutan, pegangan dan penggunaan Bank sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Privasi Bank yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
25. ASNB boleh memasuki perjanjian dengan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga, dalam atau luar negara, untuk menyediakan Perkhidmatan Awan dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Dalam berbuat demikian, ASNB mungkin dikehendaki untuk berkongsi maklumat Pelanggan atau pihak ketiga dengan Penyedia Perkhidmatan Awan ASNB bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan mereka dan ASNB akan memastikan penyedia perkhidmatan tersebut melindungi kerahsiaan maklumat dan tidak menggunakan untuk sebarang tujuan yang lain. Dengan meneruskan Perkhidmatan ini, Pelanggan atau pihak ketiga selanjutnya akan dianggap telah memberikan persetujuan untuk ASNB menggunakan dan mendedahkan maklumat kepada Penyedia Perkhidmatan Awan dilanggani oleh ASNB.

### **Risiko Bawaan Internet**

26. Walaupun Bank komited untuk mengambil langkah-langkah keselamatan terbaik bagi memastikan urus niaga yang dilakukan di HLB Connect adalah selamat dan kukuh, masih terdapat risiko bawaan komunikasi internet yang di luar kawalan pihak Bank. Justeru, Pelanggan perlu sedar akan dan dengan ini sedia mengambil risiko bawaan tersebut apabila Pelanggan mencapai dan/atau menggunakan Perkhidmatan ASNB eChannel.

### **Ketidaklayakan Seorang Muflis**

27. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan tidak dihukum sebagai seorang muflis dan tidak ada sebarang petisyen kemuflisan telah difailkan terhadap Pelanggan atau tidak ada sebarang penghakiman terhadap Pelanggan yang belum selesai selama lebih daripada 30 hari dari tarikh semasa.

### **Kepatuhan dengan Undang-undang**

28. Pelanggan bersetuju bahawa semua butiran yang diberikan adalah benar dan tepat dan pelaburan dalam Tabung Unit Amanah ini tidak bertentangan dengan undang-undang Malaysia termasuk dan tidak terhad kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLATFPUAA 2001”) serta Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”), sebuah undang-undang persekutuan Amerika Syarikat. Pihak Bank dan ASNB berhak untuk menamatkan semua hubungan dengan Pelanggan sekiranya Pelanggan



didapati telah melanggar dan/atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang, pengawalan dan peraturan berkenaan AMLATFPUAA 2001 serta Polisi Kenali Pelanggan Anda Bank dan ASNB.

**Perlindungan oleh PIDM**

29. Tabung Unit Amanah adalah tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan Pelanggan untuk tujuan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan tidak lagi dilindungi oleh PIDM.



#### **Penafian Unit Amanah**

30. Sebelum melabur, Pelanggan hendaklah mempertimbangkan risiko pelaburan serta fi dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi Tabung Unit Amanah pada masa lalu bukan jaminan prestasi pada masa hadapan.

#### **Peringatan Penting:**

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan lebih lanjut untuk menjelaskan mana-mana bahagian terma dan syarat atau syarat kontrak, sila hubungi kami di talian 03 7626 8899 atau hantarkan e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).